

EMBARGO
Sehingga 22 Jun 2023, jam 8.00 malam



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

DRAF TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS ‘NGILING BIDAI’
PENUTUPAN SEMPENA GAWAI DAYAK 2023**

23 JUN 2023 (JUMAAT)

SALUTASI

(Disediakan berasingan)

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

YBhg. Datuk/ Ketua-ketua Jabatan/ Tuan-tuan/ Puan-puan dan hadirin yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengajur kerana menjemput saya untuk hadir bersama-sama ke program ini seterusnya merasmikan Majlis ‘Ngiling Bidai’ ataupun Penutupan Sempena Gawai Dayak 2023.

2. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak atas pelaksanaan majlis ini.

LATAR BELAKANG

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Objektif Majlis ‘Ngiling Bidai’ atau Penutupan Sempena Gawai Dayak yang menandakan berakhirnya Perayaan Gawai Dayak adalah:-
 - 3.1 Platform terbaik untuk mempromosikan Budaya Dayak yang terkenal dengan keunikan budaya yang diwarisi turun-temurun daripada generasi terdahulu;
 - 3.2 Untuk mengeratkan lagi silaturahim semua lapisan masyarakat;
 - 3.3 Untuk meningkatkan kesedaran rakyat berbilang kaum betapa pentingnya perpaduan negara dan integrasi nasional untuk dipelihara dan dikenalkan bagi membentuk sebuah negara yang harmoni, sejahtera dan stabil;
 - 3.4 Mewujudkan masyarakat yang menjadikan elemen perpaduan sebagai teras dalam setiap tindakan dan interaksi mereka berlandaskan semangat hormat menghormati, bekerjasama, bermuafakat serta bertoleransi; dan

3.5 Menyediakan ruang, peluang serta suasana yang merangsang masyarakat berinteraksi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Majlis ‘Ngiling Bidai’ 2023 merupakan **inisiatif di bawah kluster Semarak Perpaduan** di bawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebar luas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia.
5. Tema ‘Ngiling Bidai’ tahun 2023 adalah ‘**Malaysia MADANI Dalam Kepelbagaian Agama**’ adalah bertepatan dengan konsep Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri. Setiap rakyat perlu sedar, serius dan berganding bahu untuk mengangkat semula semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat negara kita bagi meyokong enam (6) Tonggak Malaysia MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

Hadirin sekalian,

6. Sambutan Minggu Perpaduan yang telah berlangsung pada bulan lepas melibatkan kerjasama dan penyertaan pelbagai agensi Kerajaan Negeri Sarawak dan Agensi Kerajaan Persekutuan seperti Pejabat Residen Bahagian Bintulu & Kapit, Pejabat Daerah dan pelbagai agensi awam, swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
7. Dengan adanya program sebegini, masyarakat pelbagai kaum dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat lagi khususnya berkaitan adat dan budaya pelbagai etnik di negara ini. Ia juga boleh dijadikan tapak integrasi baharu dalam usaha mengeksplorasi detik-detik perpaduan yang manis dalam membina sebuah negara maju.
8. Harapan saya agar program seumpama ini dapat terus memelihara keharmonian yang telah kita kecapi selama ini. Sesungguhnya perbezaan inilah yang mengukuhkan jalinan perpaduan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang sangat unik dan istimewa di mata dunia.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua yang hadir pada hari ini dapat meneruskan tekad dan usaha untuk melaksanakan apa jua program yang boleh merapatkan serta mengekalkan hubungan silaturahim antara semua masyarakat.
10. Akhir kata, dengan penuh rasa kesyukuran dan gembira, saya **merasmikan Majlis ‘Ngiling Bidai’**.

Sekian, terima kasih.